



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA 2023 NEGERI SARAWAK

LOKASI / TARIKH / MASA

**SANTUBONG, SARAWAK,
29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)
12.15 TENGAH HARI**

Kemaskini 25 September 2023

(A) PENDAHULUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan bersama-sama dalam Program Semarak Skwad Waja Tahun 2023 Negeri Sarawak yang diadakan pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada penganjur

program ini iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) atas pelaksanaan program ini.

3. Terima kasih dan tahniah juga kepada semua ahli Skwad Waja serta tetamu yang hadir kerana sesungguhnya kehadiran puan/tuan dalam program pada hari ini menunjukkan kebersamaan kita dalam memperkasakan kaum wanita serta memberikan kesedaran kepada seluruh masyarakat di negeri Sarawak ini untuk sama-sama mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita.

(B) KEGANASAN TERHADAP WANITA

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

4. *Keganasan terhadap wanita boleh diertikan sebagai apa-apa tindakan keganasan yang berdasarkan gender yang mengakibatkan atau berpotensi untuk mengakibatkan kecederaan fizikal, seks atau psikologi atau yang penderitaan kepada wanita.*

5. *Tindakan ini juga meliputi ugutan untuk melakukan perkara tersebut, paksaan atau perbuatan menyekat kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan persendirian atau awam.*
6. Kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut dan kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Keganasan terhadap wanita yang paling kerap adalah keganasan yang dilakukan oleh

pasangan wanita yang merangkumi suami, bekas suami atau teman lelaki.

7. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), **kes keganasan rumah** bagi seluruh negara telah mencatatkan kes sebanyak **22,908 kes** sejak tahun 2020 sehingga Ogos 2023. Terdapat peningkatan kes yang tinggi pada **tahun 2021 iaitu sebanyak 7,468 kes berbanding pada tahun 2020 yang mencatatkan sebanyak 5,260 kes.**

8. Manakala bagi **tahun 2022**, jumlah kes keganasan rumah tangga masih lagi tinggi walaupun menunjukkan sedikit penurunan kepada **6,540 kes**. Bagi tahun ini pula, **sehingga Ogos 2023, sebanyak 3,640 kes** telah dicatatkan.
9. Negeri Sarawak pula merupakan negeri ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kedah dalam jumlah kes keganasan rumah tangga dari tahun 2020 sehingga Ogos 2023 iaitu dengan **2,192 kes**.

10. Oleh itu, tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuklah masyarakat setempat.

(C) LATAR BELAKANG SKUAD WAJA

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

11. Skwad Waja dibentuk untuk **memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial** dan aktiviti dalam komuniti yang merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan.

12. Ahli Skwad Waja merupakan agen perubahan dalam menangani keganasan terhadap wanita dalam komuniti serta membantu dalam membina sebuah masyarakat yang saling bantu membantu dan meningkatkan keharmonian.

13. Skwad Waja adalah rujukan masyarakat demi kesedaran tentang pentingnya menangani keganasan terhadap wanita, membantu mangsa merujuk kes kepada pihak berkuasa, serta menyokong kesihatan mental dan menjadi pendengar yang baik.

14. Sejak dari penubuhan Skuad Waja pada tahun 2021 sehinggalah Disember 2022, terdapat seramai **328,558 orang ahli Skuad Waja, dengan seramai 253,973 orang wanita (77.3%) dan 74,585 orang lelaki (22.7%)**. Bagi negeri Sarawak sahaja, terdapat seramai 2,838 orang ahli Skuad Waja yang melibatkan seramai 2,735 wanita dan 103 lelaki.
15. Melalui keahlian yang ramai ini, ahli-ahli Skuad Waja telah turun padang bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sebanyak **1,012 program psikososial** Skuad Waja telah

dijalankan dalam komuniti di seluruh negara yang melibatkan seramai **72,942 orang yang telah berjaya disantuni.**

(D) PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA NEGERI SARAWAK

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

16. Program Semarak Skuad Waja 2023 ini diadakan bagi menyebarkan luas pelaksanaan dan peranan Skuad Waja kepada pemimpin komuniti di peringkat negeri Sarawak.

17. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang isu keganasan terhadap wanita dan kaedah terbaik ke arah menghapuskannya serta peranan ahli Skwad Waja yang telah dilatih dalam komuniti.

18. Para peserta program juga akan diberikan latihan bagi **meningkatkan kemahiran psikologi asas dari aspek emosi, tingkah laku dan pemikiran** melalui modul program

MATAHARI atau **Program Meningkatkan Daya Tahan Dan Psikologi Wanita.**

19. Selain itu, program ini diharapkan untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan hak-hak perundangan **melalui modul Program IRIS atau Program Literasi Perundangan.**
20. Program ini juga diharap dapat mempertingkatkan pemahaman perihal penganiayaan terhadap wanita yang signifikan dan memberikan maklumat kepada

masyarakat tentang saluran aduan serta bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan.

(E) PENUTUP

21. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar Program Semarak Skuad Waja 2023 Peringkat Negeri Sarawak ini akan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat negeri Sarawak terutama dalam memberikan kesedaran

dan perlindungan kepada kaum wanita daripada segala bentuk keganasan dan diskriminasi.

22. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Gunung Santubong Rimbanya Lebat,
Mendakinya Susah Tidak Bersahaja,
Wanita Sarawak Memang Hebat,
Kuat Berusaha Berhati Waja.

23. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Semarak Skuad Waja Tahun 2023 Negeri Sarawak.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
29 September 2023